



# جَاتِنْ مُفْتِي نَجْرِي قِيرَاق دَارُ الرِّضْوان

JABATAN MUFTI NEGERI,  
PERAK DARUL RIDZUAN,  
TINGKAT 5, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN,  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.

Musti : 05-2424120  
Pej. Am : 05-2545332  
Faks : 05-2419694  
Laman Web : <http://mufti.perak.gov.my>

Ruj : MN.Pk.A352.IST/05/9 JLD. 9 ( S )  
Tarikh : 13 Zulhijjah 1442H  
23 Julai 2021M

Seluruh Pengerusi Jawatankuasa Kariah / Surau Diri Jumaat (SDJ)  
Seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Dato' Seri / Dato' / Tuan,

## PEMATUHAN PENGGUNAAN PEMBESAR SUARA UNTUK AZAN, IQAMAH, BACAAN AL-QURAN, ZIKIR MUNAJAT, TARHIM DAN KULIAH DALAM NEGERI PERAK.

Dengan hormat dan takzimnya, didoakan semoga Y.Bhg Dato' Seri / Dato' / Tuan dan seluruh ahli kariah dilimpahi rahmat dan kefaian daripada Allah SWT. Perkara di atas dinyatakan untuk perhatian.

2. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak setelah meneliti keterangan dan menimbang secara saksama dengan mengambil kira *maslahah* (kebaikan) dan *mafsadah* (keburukan) terhadap ummah khasnya dalam Negeri Perak, maka memperaku dan menganjurkan seperti berikut:

i) Bagi memelihara Syariat, meninggikan Syiar Islam dan menghayati amalan sunnah berjamaah, maka Azan dan Iqamah diharuskan untuk menggunakan pembesar suara (bahagian dalam dan luar) untuk memaklumkan waktu masuk solat dan untuk mendirikan solat;

ii) Disarankan kepada para imam seperti berikut:

a) Bacaan Imam ketika solat;

b) Amalan zikir;

c) Berdoa secara beramai-ramai selepas solat;

dengan menggunakan pembesar suara (bahagian dalam sahaja) dengan mengambil kira keadaan para maknum.

Sekiranya terdapat para jamaah yang sedang melaksanakan solat, maka hendaklah direndahkan / diminimumkan suara bagi

mengelakkan gangguan terhadap mereka yang sedang melakukan solat.

- iii) Amalan tarhim, membaca atau memperdengarkan bacaan al-Quran sebelum masuknya waktu solat, maka disarankan seperti berikut:
  - a) Boleh diperdengarkan bacaan *tarhim*, bacaan al-Quran dengan menggunakan pembesar suara (bahagian luar) secara kadar sederhana dalam jangka masa 5 minit sebelum azan.
  - b) Lebih menepati *Sunnah* untuk dilaksanakan azan pertama sejam sebelum masuknya waktu subuh untuk menyedarkan orang yang sedang tidur untuk menunaikan solat subuh.
- iv) Disarankan pelaksanaan sesi kuliah Maghrib, kuliah Subuh dan kuliah Dhuha yang dilaksanakan di dewan utama masjid, surau diri jumaat (SDJ) dan surau adalah untuk menggunakan pembesar suara (bahagian dalam) sahaja.

3. Jabatan Mufti Negeri Perak telah menerima aduan berkenaan penggunaan pembesar suara di premis ibadat yang agak keterlaluan sehingga menimbulkan keresahan di kalangan ahli kariah yang kezuruan, wanita dan kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, suatu ketetapan telah diperakurkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak Kali Ke-221 yang bersidang pada 9 hingga 11 Disember 2020M bersamaan 23 hingga 25 Rabiulawwal 1442H perihal perkara tersebut untuk perhatian pentadbir masjid, surau diri Jumaat dan surau seluruh negeri Perak.

4. Kerjasama dan keprihatinan Y.Bhg. Dato' Seri / Dato' / Tuan didahului dengan ucapan Jazakumullahu khairan kathira dan didoakan agar Allah SWT mengurniakan kesejahteraan terhadap umat ini serta dijauhkan daripada wabak dan bencana.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATUH HAJI ZAMRI BIN HASHIM)  
Timbalan Mufti  
b.p.: Mufti Negeri  
Perak Darul Ridzuan

AKN/Fail Kemusykilan/0721

**"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"**